

Rumah pintar pelaburan masa depan tawar gaya hidup selesa



Pengarah
Penyelidikan
Hartanah Rahim
& Co International
Sdn Bhd

Oleh Sr Sulaiman Saheh

Kehidupan moden di Malaysia kini semakin ke arah penggunaan teknologi pintar, termasuk dalam aspek kediaman.

Konsep rumah pintar atau 'smart home' bukan lagi suatu bayangan masa hadapan semata-mata, sebaliknya telah menjadi satu ciri baharu yang semakin popular ditawarkan oleh pemaju hartanah di Malaysia.

Rumah pintar merujuk kepada kediaman yang dilengkapi sistem automasi yang membolehkan pemiliknya mengawal pelbagai fungsi rumah seperti kunci pintu, lampu, suhu bilik, sistem keselamatan, dan kamera pengawasan menerusi aplikasi telefon pintar atau arahan suara. Keupayaan ini bukan sahaja menawarkan kemudahan, tetapi juga memberikan tahap keselamatan yang lebih tinggi dan kecekapan tenaga yang semakin diperlukan dalam era kos sara hidup yang meningkat.

Antara ciri-ciri yang semakin popular termasuklah kunci digital yang membolehkan pintu dikunci atau dibuka tanpa kunci fizikal, sistem kawalan suhu dan pencahayaan yang boleh diprogramkan mengikut masa atau dikawal dari jauh, serta pemasangan

kamera keselamatan pintar yang menghantar notifikasi secara langsung ke telefon pemilik rumah apabila mengesan pergerakan luar biasa.

Di samping itu, terdapat juga teknologi sensor bagi mengesan kebocoran air atau kehadiran asap yang boleh mengelakkan bencana lebih besar jika dikesan awal.

Beberapa pemaju tempatan telah mula memperkenalkan rumah pintar secara menyeluruh dalam projek mereka.

Antaranya termasuk Gamuda Cove di Selangor melalui kerjasama antara Gamuda Land dengan Samsung untuk membangunkan kediaman pertama di Malaysia yang dilengkapi kecerdasan buatan (AI) secara menyeluruh, bagi memperkasa gaya hidup rumah pintar dan mentransformasi pengalaman kediaman moden rakyat Malaysia.

Trinity Wellness di Ampang North adalah contoh lain kediaman pintar yang menggunakan 'Sistem Perlindungan Tiga Kali Ganda' berasaskan AI, loker pintar tanpa sentuh untuk bungkus, dan aplikasi khas untuk



Ramai melihat rumah pintar sebagai pelaburan masa depan yang bukan sahaja menawarkan gaya hidup lebih selesa, malah mampu menjimatkan penggunaan tenaga dalam jangka panjang

semua penghuni.

Sambutan terhadap rumah pintar di Malaysia secara umumnya menunjukkan peningkatan, terutamanya dalam kalangan pembeli muda, warga bandar dan mereka yang mencari keselesaan bergaya.

Sebagai pelaburan

Ramai melihat rumah pintar sebagai pelaburan masa depan yang bukan sahaja menawarkan gaya hidup lebih selesa, malah mampu menjimatkan penggunaan tenaga dalam jangka panjang.

Bagaimanapun, tidak semua golongan masyarakat menyambut konsep ini dengan sepenuhnya.

Masih terdapat segelintir pembeli yang berhati-hati terhadap isu keselamatan siber dan privasi data, di samping kebimbangan mengenai kos penyelenggaraan atau kerumitan teknologi jika berlaku kerosakan.

Sesetengah warga emas atau pengguna yang kurang celik teknologi juga mungkin menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan sistem automasi sepenuhnya.

Meskipun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa rumah pintar membawa pelbagai manfaat dari segi keselesaan, keselamatan dan penjimatan.

Ia mencerminkan peralihan ke arah kehidupan yang lebih moden dan lestari, selari dengan transformasi digital yang sedang berlaku di pelbagai sektor lain.

Dari sudut pelaburan, rumah yang dilengkapi dengan teknologi pintar turut dilihat sebagai aset yang mempunyai nilai tambah dan berpotensi tinggi untuk menarik minat pembeli generasi akan datang.

Namun, untuk menjadikan rumah pintar satu norma dalam pemilikan kediaman di Malaysia, cabaran seperti kos permulaan yang tinggi, kebergantungan kepada sambungan internet yang stabil, serta risiko terhadap keselamatan siber perlu ditangani dengan lebih serius.

Justeru itu, pendidikan dan kesedaran pengguna memainkan peranan penting supaya masyarakat dapat menyesuaikan diri dengan teknologi ini secara inklusif, selamat dan berkesan.

Masa depan hartanah bukan lagi sekadar berkisar mengenai lokasi, tetapi sejauh mana rumah berkenaan mampu memahami dan memenuhi keperluan penghuninya dalam dunia yang semakin digital.

Rumah pintar merujuk kepada kediaman yang dilengkapi sistem automasi yang pemiliknya mengawal pelbagai fungsi rumah.

